



NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERJANJIAN

PERJANJIAN ini di buat pada

DI ANTARA

No. Kad Pintar

Di alamat

(selepas ini sebut sebagai PENUNTUT) bagi pihak pertama, yang dianugerahkan Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti jadual yang disertakan dalam PERJANJIAN ini dengan **KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAAM** (selepas ini disebut sebagai KERAJAAN) bagi pihak kedua

SERTA

No. Kad Pintar

Di alamat

Pekerjaan.....

dan

No. Kad Pintar

Di alamat

Pekerjaan.....

(selepas ini dibuat sebagai PENJAMIN-PENJAMIN) bagi pihak ketiga, MENYAKSIKAN seperti berikut :-

1. Dengan kebenaran dan persetujuan PENJAMIN-PENJAMIN, DENGAN INI MENGESAHKAN BAHAWA PENUNTUT:-

(a) Akan memulakan dan meneruskan pengajian kursus pengajian seperti yang dinyatakan di atas dengan usahagiat sepertimana yang dikehendaki oleh KERAJAAN dan akan menamatkan kursus berkenaan di tempat pengajian (selepas ini disebut INSTITUSI) yang sama dalam tempoh yang ditetapkan atau satu tempoh lebih lama lagi tertakluk kepada kebenaran KERAJAAN ;

(b) Akan sentiasa memuaskan pihak KERAJAAN setakat yang berhubung dengan laporan sulit INSTITUSI antaranya mengenai kedatangan, kelakuan dan kemajuan akademik ;

- (c) Akan mematuhi semua aturan-aturan dan peraturan-peraturan yang berkait rapat dengan kursus pengajian yang dikuatkuasakan dari semasa ke semasa oleh KERAJAAN dan INSTITUSI ;
- (d) **Akan, jika dikehendaki oleh kerajaan, memasuki perkhidmatan KERAJAAN pada bila-bila masa selepas berjaya memperolehi kelulusan bagi kursus berkenaan, dalam mana-mana jawatan yang ditawarkan bagi tempoh minima 5 tahun bagi yang mengikuti tempoh kursus 1 tahun hingga 4 tahun sementara 10 tahun bagi tempoh kursus 4 tahun ke atas, bermula dari tarikh lantikan mengikut syarat-syarat perkhidmatan yang ditetapkan dalam jawatan tersebut dan pada gaji menurut tanggagaji yang berkuatkuasa pada masa itu.**
2. Pada mempertimbangkan perkara-perkara yang dinyatakan di atas KERAJAAN dengan ini bersetuju akan membayar semua bayaran pengajian dan peperiksaan yang dikenakan termasuk elaun-elaun yang dinyatakan dalam Jadual PERJANJIAN ini dan KERAJAAN adalah mempunyai hak untuk membuat sebarang perubahan yang difikirkan bersesuaian atau perlu.
3. ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI DAN DIAKUI BAHAWA jika semasa PERJANJIAN in dikuatkuasakan, salah seorang dari PENJAMIN-PENJAMIN meninggal dunia atau tidak lagi tinggal di Negara Brunei Darussalam atau berada di luar negeri lebih daripada 24 bulan secara berterusan atau dihukum menjadi muflis, maka yang seorang lagi bagi pihak ketiga atau PENUNTUT hendaklah mendapatkan seorang Penjamin lain yang memuaskan KERAJAAN dan yang bersedia menggantikan PENJAMIN berkenaan.
- Jika PENJAMIN lain yang memuaskan KERAJAAN tidak didapati atau jika PENJAMIN lain tidak mahu membuat sesuatu perjanjian di mana dia pada awalnya bersetuju diikat dengan syarat-syarat dan aturan-aturan PERJANJIAN yang berhubungkait dengan PENJAMIN-PENJAMIN, maka KERAJAAN boleh pada bila-bila masa menamatkan biasiswa PENUNTUT dan PENUNTUT tidak lagi berhak untuk membuat sebarang tuntutan terhadap sebarang faedah di bawah PERJANJIAN ini.
4. ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI DAN DIAKUI BAHAWA JIKA PENUNTUT:-
- (a) Pada bila-bila masa dalam tempoh kursus pengajian didapati bersalah kerana melanggar peraturan INSTITUSI dan atau biasiswa seperti kedatangan kuliah dan atau tutorial yang tidak memuaskan, penyalahgunaan dadah, melanggar undang-undang jenayah, menyeleweng dari kepercayaan Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan lain-lain peraturan yang dikuatkuasakan oleh kerajaan;
- (b) Menukar kursus dan atau INSTITUSI seperti yang telah ditetapkan dalam PERJANJIAN ini tanpa kebenaran KERAJAAN;
- (c) Meninggalkan kursus latihannya sebelum sempurnanya kursus berkenaan tanpa persetujuan KERAJAAN;

MAKA KERAJAAN BOLEH pada bila-bila masa menamatkan biasiswa **PENUNTUT** dan **PENUNTUT** tidak lagi berhak untuk membuat sebarang tuntutan terhadap sebarang faedah di bawah **PERJANJIAN** ini. **PENUNTUT** dan **PENJAMIN-PENJAMIN** adalah bersama-sama atau masing-masing bertanggungjawab terhadap diri mereka sendiri, waris-waris atau penerima-penerima serah hak mereka untuk memulangkan kepada **KERAJAAN** segala tuntutan perbelanjaan yang diperuntukan atau bayaran-bayaran yang ditanggung oleh **KERAJAAN** yang berhubungkait dengan biasiswa **PENUNTUT**.

5. ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI DAN DIAKUI SELANJUTNYA BAHAWA JIKA **PENUNTUT** :-

- a) Enggan untuk memasuki perkhidmatan **KERAJAAN** di bawah syarat Fasal 1 (d) di atas ;
- b) Meletak jawatan atau berhenti dari perkhidmatan **KERAJAAN** dengan melanggar syarat di Fasal 1 (d) di atas tanpa persetujuan **KERAJAAN** ;
- c) Dibuang dari perkhidmatan **KERAJAAN** kerana melanggar Peraturan-Peraturan (Kelakuan dan Tatatertib) Pengawai – Pegawai **KERAJAAN** dalam tempoh minima 5 tahun ketika mana pada asalnya dia telah bersetuju akan terus berkhidmat dengan **KERAJAAN** di bawah Fasal 1 (d) **PERJANJIAN** ini ;
- d) Sebab kelakuan buruk yang menyebabkan dirinya tidak sesuai untuk terus berkhidmat menurut syarat-syarat Fasal 1 (d) **PERJANJIAN** ini;

MAKA DAN DALAM MANA-MANA PERKARA SEPERTI ITU PENUNTUT tersebut dan **PENJAMIN-PENJAMIN**nya adalah bersama-sama atau masing-masing bertanggungjawab terhadap diri mereka sendiri, waris-waris atau penerima-penerima serah hak mereka untuk memulangkan kepada **KERAJAAN** segala tuntutan perbelanjaan yang telah diperuntukan atau bayaran-bayaran yang telah dipertanggungjawabkan oleh **KERAJAAN**, yang berhubungkait dengan biasiswa **PENUNTUT**.

6. ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI DAN DIAKUI bahawa syarat-syarat **PERJANJIAN** ini adalah masih berkuatkuasa apabila **PENUNTUT** dibenarkan oleh **KERAJAAN** untuk berbuat sebarang perubahan dari segi jenis, tahap dan tempat kursus dan sebagainya pada bila-bila masa selepas tarikh **PERJANJIAN** ini dan ADALAH JUGA DIPERSETUJUI DAN DIAKUI OLEH **PENUNTUT** ini bahawa segala persuratan di antara **PENUNTUT** dengan **KERAJAAN** yang bersangkutan paut dengan mana-mana perubahan tersebut adalah dikira termasuk di dalam **PERJANJIAN** ini.

7. ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI DAN DIAKUI bahawa tanpa menghiraukan sebarang apa jua yang terkandung sebaliknya sebelum ini, **KERAJAAN** boleh dengan memberi satu bulan notis bertulis kepada **PENUNTUT** membatalkan **PERJANJIAN** ini pada bila-bila masa tanpa memberikan sebarang sebab terhadapnya dan sesudah itu segala faedah dan tanggungjawab kepada **PENUNTUT** atau **PENJAMIN-PENJAMIN** di bawah **PERJANJIAN** ini akan berakhir.

8. ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI DAN DIAKUI bahawa jadual yang disertakan dalam PERJANJIAN ini hendaklah dibaca dan dijadikan sebahagian daripada PERJANJIAN ini. PADA MENYAKSIKAN PERJANJIAN ini pihak-pihak berikut telah menurunkan tandatangan masing – masing pada tarikh yang dinyatakan.

**JADUAL
(FASAL 9)**

Ini adalah jadual yang dirujuk kepada Fasal 8 dalam PERJANJIAN ini.

Ditandatangani, dimeterai dan diserahkan oleh :

.....

(Tandatangan Penuntut)

(.....)

(Nama Penuntut)

Di hadapan :

(Nama Saksi)

Alamat :

.....

Pekerjaan :

Tandatangan :

Ditandatangani, dimeterai dan diserahkan oleh :

.....

(Tandatangan)

(.....)

(Bagi Pihak Kerajaan)

Di hadapan :

(Nama Saksi)

Alamat :

.....

Pekerjaan :

Tandatangan :

Ditandatangani oleh :

.....
(Tandatangan Penjamin Pertama)

(.....)
(Nama Penjamin)

Di hadapan :
(Nama Saksi)

Alamat :
.....

Pekerjaan :

Tandatangan :

Ditandatangani oleh :

.....
(Tandatangan Penjamin Kedua)

(.....)
(Nama Penjamin)

Di hadapan :
(Nama Saksi)

Alamat :
.....

Pekerjaan :

Tandatangan :

JADUAL

(a) Kursus Latihan dan masa yang ditetapkan

No. Pendaftaran :

Program diikuti :

Tempoh pengajian :

Mulai : hingga

(b) Elaun-elaun

(c) Aturan-aturan dan peraturan-peraturan Penganugerahan Biasiswa yang disusun oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.